

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS  
PEMBUKAAN RASMI PERTANDINGAN MEM-  
BACA AL-QURAN PERINGKAT ANTARA-  
BANGSA DI STADIUM MERDEKA, KUALA  
LUMPUR PADA 24HB SEPTEMBER, 1975

Patik bagi pihak Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Per-  
tandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarbangsa Tahun  
1395 Hijrah ini menjunjung kasih yang amat sangat terhadap  
Kebawah Duli Tuanku berdua<sup>1</sup> kerana telah sudi mencemar duli  
berangkat ke raajlis pada malam ini dan seterusnya untuk meng-  
isyiharkan pembukaan rasmi Pertandingan ini.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku berdua, yang kebetulan  
pula bagi kali pertamanya setelah menaiki takhta Kerajaan  
Malaysia sebagai Yang Di-Pertuan Agong telah menambah serinya  
lagi majlis pada malam ini dan memberi pengertian dan peng-  
hormatan yang besar kepada usaha Kerajaan Kebawah Duli  
Tuanku dalam menegak dan meninggikan lagi syiar Islam di  
negara kita yang dikasihi.

Begitu juga patik suka menyembahkan penghargaan dan men-  
junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan  
Besar Negeri Sembilan<sup>2</sup> serta Tuanku kerana telah berkenan  
berangkat bersama-sama dalam Majlis ini. Keberangkatan Ke-  
bawah Duli-duli Tuanku beserta Tengku-tengku Ampuan telah  
menambah seri dan meriahnya majlis pada malam ini.

Patik mohon izin Kebawah Duli-duli Tuanku untuk berucap  
sepatah dua kata kepada para hadirin sekalian.

Tan Sri Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pusat  
Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa Tahun  
Hijrah 1395.

<sup>1</sup> Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong  
Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim dan Duli Yang  
Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tengku  
Zainab binti Tengku Muhammad.

<sup>2</sup> Duli Yang Maha Mulia Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul  
Rahman.

Tuan Yang Terutama, Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir, Gabenor Pulau Pinang.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kita dapat sekali lagi mengadakan Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa ini. Ini ialah kali yang Keenam Belas kita mengadakan Pertandingan di Peringkat Antarabangsa dan saya gembira kerana sambutan dari negara-negara sahabat tidak kurang hebatnya dari tahun-tahun lepas. Tahun ini sebanyak dua belas negara telah menghantar wakil-wakil untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan ini dan saya percaya pada tahun-tahun hadapan negara-negara yang menyertai Pertandingan ini akan bertambah.

Saya suka mengambil peluang ini mengalu-alukan peserta-peserta dan tetamu jemputan daripada luar negeri yang mendapat kesempatan bersama-sama dengan kita pada tahun ini. Saya juga mengucapkan terimakasih kepada negara-negara sahabat yang telah menghantar hakim-hakim dan juga pemerhati-pemerhati ke Pertandingan tahun ini dan sesungguhnya kita sangatlah menghargai kerjasama dan bantuan mereka itu.

Sebagaimana kita maklum, tujuan utama kita mengadakan Pertandingan Membaca Al-Quran di Peringkat Antarabangsa ini ialah untuk membawa Qari-qari dan Qariah-qariah dari negara-negara sahabat untuk memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan sambil itu mengeratkan lagi ikatan silaturrahim dan persaudaraan di kalangan umat Islam, sesuai dengan ajaran Islam sebagai ugama universal yang memangnya menggalakkan umatnya supaya sentiasa memupuk dan memperteguhkan ikatan persaudaraan di antara mereka.

Malaysia sebagai sebuah negara Islam telah cuba seberapa yang boleh memainkan peranannya dan memberi sumbangan ke arah mencapai matlamat perpaduan Islam ini. Di bidang hubungan luar, kita bersama-sama dengan negara-negara Islam yang lain menyokong penuh perjuangan umat Arab untuk merebut kembali kawasan negara Arab yang masih diduduki oleh Israel. Begitu juga kita bersimpati dengan perjuangan umat Palestine untuk kembali ke tanahair mereka.

Kita telah juga mempelopori penubuhan Sekretariat Islam yang bertujuan membawa negara-negara Islam bersatu dalam sebuah badan yang dapat membincang dan menyelesaikan masalah-masalah berhubung dengan kepentingan bersama umat Islam di seluruh dunia. Syukur Aihamdulillah, Sekretariat Islam hingga hari ini telah berjalan dengan baik dan berkesan dan telah dapat menelurkan hasil-hasil yang berfaedah kepada umat Islam seluruhnya. Bagi pihak kita, Malaysia akan terus memberi sokongan kepada Sekretariat ini dalam segala usahanya yang baik itu.

Tidaklah keterlaluan kalau saya katakan bahawa hasil dari usaha-usaha kita selama ini dalam memupuk dan mengeratkan persaudaraan dan perpaduan umat Islam telah meletakkan Malaysia di tempat yang tinggi di kalangan negara-negara Islam khasnya dan dunia amnya.

Selain dari usaha memupuk persaudaraan Islam, ada banyak lagi langkah-langkah yang patut dijalankan di peringkat antara-bangsa bagi mengembang dan meninggikan lagi syiar Islam. Misalnya, kitab suci Al-Quran yang menjadi jiwa dan nadi perpaduan umat Islam itu, saya dapati ada banyak tafsiran mengenai kandungannya yang telah dibuat dan terdapat pula banyak perbezaan di antara tafsiran-tafsiran itu. Saya fikir ada baiknya jika ulama-ulama dan pakar-pakar Islam seluruh dunia dapat berkumpul untuk membincangkan perkara ini dan mengesyorkan langkah-langkah yang patut diambil untuk mewujudkan hanya satu tafsiran sahaja bagi kitab suci itu yang boleh digunakan oleh seluruh umat Islam di dunia supaya dengan demikian dapat mengelakkan timbulnya salah faham dan salah pengertian mengenai kandungan ayat-ayat suci Al-Quran itu.

Begitu juga, terdapat banyak daripada peraturan-peraturan dan amalan Islam, baik dari segi ibadat mahupun mengenai soal-soal ekonomi dan sosial, yang menjadi panduan umat Islam, adalah berlainan di antara satu negara dengan satu negara, yang saya fikir hams dikaji lebih mendalam lagi untuk menyesuaikan dengan keadaan dunia moden dan saintifik hari ini. Langkah-langkah penyesuaian ini amat perlu dijalankan supaya umat Islam tidak ketinggalan dan Ugama Islam yang memang sesuai untuk setiap

zaman itu sentiasa di pandang tinggi dan mendapat penghormatan yang sewajarnya oleh umatnya serta penganut-penganut ugama yang lain di dunia.

Saya sukacita bahawa tema yang dipilih bagi pertandingan tahun ini iaitu "Kemakmuran menerusi lunas-lunas Islam" adalah sesuai dengan masanya, lebih-lebih lagi bagi negara kita Malaysia yang sedang menempuh proses pembangunan yang pesat untuk mencapai kemakmuran yang dapat menjamin penghidupan yang lebih sempurna kepada rakyat.

Islam sebagai ugama yang sempurna mempunyai lunas-lunas dan peraturan-peraturan yang lengkap bagi panduan umatnya untuk mencapai kemakmuran di dunia dan kebahagiaan hidup di akhirat. Dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia ini, maka apa yang penting ialah umat Islam sendiri hendaklah mengatur hidup mereka sesuai dengan lunas-lunas Islam itu dan sambil itu tidak pula lupa akan hakikat kedudukan masyarakat berbilang kaum yang terdapat di negara ini yang mempunyai masalah-masalahnya yang tersendiri. Bagaimanapun, memanglah menjadi matlamat Kerajaan untuk menentukan agar rakyatnya dari semua kaum menikmati kemakmuran negara dengan adil dan saksama.

Dalam pada itu, saya yakin umat Islam di negara kita akan terus maju dan makmur selagi mereka sanggup dan sedia berusaha dengan penuh semangat berdikari serta mengamalkan ajaran-ajaran Islam yang sebenar dan menggunakan dengan sebaik-baiknya segala peluang yang disediakan oleh Kerajaan kepada mereka.

Akhir kata saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pertandingan Membaca Al-Quran tahun ini yang telah bekerja keras tanpa penat lelah untuk menentukan kejayaan Pertandingan ini walaupun pada tahun ini Pertandingan ini diadakan dalam keadaan yang lebih sederhana daripada tahun-tahun yang sudah. Begitu juga saya tidak lupa mengucapkan terimakasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan mereka bagi menjayakan Pertandingan ini.

Dalam beberapa hari yang lepas rakyat di seluruh negara telah menikmati bacaan ayat-ayat suci Al-Quran di peringkat kebangsaan dan pada hari-hari berikutnya kita dapat pula mengikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Quran di peringkat antarabangsa. Semoga dengan mengikuti bacaan ayat-ayat suci ini dengan penuh khusuk dan tawaduk akan menambahkan lagi kesedaran kita betapa indahnya susunan ayat-ayat suci Al-Quran itu serta hikmat pengajaran yang tinggi nilainya bagi penghidupan manusia yang terkandung disebalik ayat-ayat suci itu. Semoga dengan itu juga akan lebih menyakinkan kita akan kebesaran dan keagungan agama Islam yang maha suci.

Patik dengan segala hormat takzimnya memohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku sudi apalah kiranya Kebawah Duli Tuanku mengisytiharkan supaya Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa Tahun 1395 Hijrah ini dibuka dengan rasminya, ampun Tuanku.